



NOTIS MAKLUMAN

PENAMBAHBAIKAN TEMPLAT SURAT IRINGAN KETUA JABATAN DAN PORTAL PERMOHONAN PEMBIAYAAN PERUMAHAN LPPSA (JACCESS)

Dimaklumkan LPPSA telah membuat penambahbaikan ke atas templat Surat Iringan Ketua Jabatan dan Portal Permohonan Pembiayaan Perumahan Atas Talian LPPSA (JAccess) seperti berikut:

No.	Tarikh Kuat Kuasa	Perkara
1.	20 September 2021	Penggunaan format baharu templat Surat Iringan Ketua Jabatan yang dihantar bersama-sama permohonan pembiayaan perumahan LPPSA. Format baharu ini boleh dimuat turun daripada laman web rasmi LPPSA di (www.lppsa.gov.my) pada menu Pelanggan baru/ Dokumen Berkaitan/ Borang Sokongan Permohonan Pembiayaan atau klik di pautan ini .
2.	12 Julai 2021	Penambahbaikan portal permohonan pembiayaan JAccess di mana pemohon diwajibkan mengisi maklumat Ketua Jabatan seperti nama, jawatan, alamat, nombor telefon dan alamat email semasa membuat permohonan.

Penambahbaikan ini dibuat bagi melancarkan proses mendapatkan pengesahan/ semakan ke atas Ketua Jabatan/ pegawai yang diwakilkan kuasa oleh Ketua Jabatan bagi mencegah isu penipuan atau pemalsuan maklumat/ dokumen permohonan pembiayaan oleh individu yang tidak bertanggungjawab.

Sebarang pertanyaan lanjut, boleh menghubungi Pusat Panggilan LPPSA di talian 03-88801600 atau melalui Portal Pertanyaan/ Aduan Rasmi LPPSA di <https://etiket.lppsa.gov.my/>.

17 SEPTEMBER 2021